



# **BARISAN NASIONAL MALAYSIA** **(National Front Malaysia)**

**PENGERUSI**  
**(Chairman)**

## **KENYATAAN MEDIA**

Barisan Nasional (BN) telah mengambil keputusan untuk tidak menyertai Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Batu Sapi.

Keputusan ini dibuat kerana BN merasakan, COVID-19 hendaklah dielakkan dari menular, sekiranya pilihan raya kecil itu diadakan, sebagaimana yang dialami sewaktu Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang lalu.

BN menyerahkan kepada kebijaksanaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memutuskan tempoh berkempen dan kesesuaian tarikh pengundian yang akan dilakukan kelak.

Pada hemat BN, kesejahteraan dan kesihatan rakyat hendaklah menjadi keutamaan.

**AHMAD ZAHID HAMIDI**  
**8 OKTOBER 2020**